



MELURUSKAN MAKNA JIHAD

Krisis Lahad Datu nampaknya masih belum menemui titik noktahnya. Di saat media kerajaan melaporkan bahawa keadaan terkawal dan kejayaan berpihak kepada pasukan keselamatan, namun terbaru, seorang lagi anggota tentera, Prebet Ahmad Hurairah Ismail telah terbunuh dalam kejadian serangan oleh pasukan Sulu. Di ambang kekecohan ini, tiba-tiba Sultan Kiram III dilaporkan telah mengisytiharkan jihad terhadap Malaysia. [<http://my.news.yahoo.com/kiram-declares-jihad-against-malaysia-085414183.html>]. Diperjelaskan lagi oleh iparnya, Abbrahan Idrijani bahawa jihad di sini dilakukan dalam konteks mendapatkan kembali hak milik mereka ke atas Sabah. Manakala Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan telah lebih awal memfatwakan bahawa pasukan keselamatan yang terbunuh dalam Ops Daulat adalah dikira syahid akhirat. Di pihak kerajaan Malaysia, walaupun belum ada pengumuman rasmi bahawa pertembungan di Lahad Datu adalah jihad, namun akhbar pro-kerajaan, Utusan Malaysia, telah pun menyatakan bahawa perjuangan pasukan keselamatan yang mempertahankan Lahad Datu adalah satu jihad [UM 12/03/13]. Oleh itu, kita boleh katakan di sini bahawa kedua-dua belah pihak telah menganggap bahawa perjuangan mereka adalah jihad!? Bagi mereka yang mempunyai sedikit kefahaman tentang jihad, maka hal ini mungkin akan mengelirukan. Manakala bagi mereka yang keliru, mungkin akan bertabah keliru. Apa tidaknya, bagaimana mungkin pertempuran dan pembunuhan sesama Muslim dianggap sebagai jihad dan mati syahid? Apakah Malaysia bukanlah wilayah perang sebagaimana halnya di Afghanistan, Iraq atau Palestin. Bagi merungkai kekeliruan ini, maka kita perlu memahami dengan kefahaman yang benar apakah yang dimaksudkan dengan pengertian jihad dan mati syahid.

Jihad Dalam Islam

Sebagaimana solat, jihad adalah sebahagian dari ajaran Islam. Jihad bahkan termasuk di antara kewajiban dalam Islam yang sangat agung, yang menjadi syiar Islam. Secara bahasa, jihad (kata *jahada*) bermaksud, “mengerahkan kemampuan dan tenaga yang ada, baik dengan perkataan mahupun perbuatan (Fairuz Abadi, Kamus Al-Muhith). Secara bahasa, jihad juga boleh bererti, “mengerahkan seluruh kemampuan untuk memperoleh tujuan” [An-Naisaburi, Tafsir an-Naisaburi, XI/126]. Adapun menurut pengertian *syar’ie* (syariat), para ahli fiqh (fuqaha) mendefinisikan jihad sebagai “usaha mengerahkan segenap kekuatan dalam perang *fi sabilillah* secara langsung mahupun memberikan bantuan kewangan, pendapat atau memperbanyakkan logistik dan lain-lain (demi memenangkan pertempuran). Kerana itu, perang dalam rangka meninggikan kalimat Allah itulah yang disebut dengan jihad” [An-Nabhani, *Asy-Syakhshiyah al-Islamiyyah*, II/153. Lihat juga Ibn Abidin, *Hasyiyah Ibn Abidin*, III/336].

Kewajiban jihad (perang) ini telah ditetapkan oleh Allah SWT dalam al-Quran di dalam banyak ayat [lihat Surah an-Nisa’ (4):95; Surah at-Taubah (9):41, 86, 87, 88; Surah as-Saf (61):4]. Bahkan jihad (perang) di jalan Allah merupakan amalan utama dan agung yang pelakunya akan meraih syurga dan kenikmatan yang abadi di akhirat [lihat Surah an-Nisa’ (4):95; Surah at-Taubah (9):111; Surah al-Anfal (8):74; Surah al-Maidah (5):35; Surah al-Hujurat (49):15; Surah as-Saff (61):11-12]. Sebaliknya, Allah telah mencela dan mengancam orang-orang yang enggan berjihad (berperang) di jalanNya [lihat Surah at-Taubah (9):38-39; Surah al-Anfal (8):15-16; Surah at-Taubah (9):24]. Persoalannya, bila dan di manakah jihad dalam pengertian perang itu dilakukan? Jawapan secara ringkasnya, jihad dalam pengertian perang boleh berlaku dalam tiga keadaan:-

Pertama: Apabila kaum Muslimin atau negeri mereka diserang oleh orang-orang kafir atau negara kafir. Contohnya adalah dalam kes Afghanistan dan Iraq yang diserang dan diduduki AS sampai sekarang. Begitu juga dalam kes di Palestin yang sedang dijajah Israel. Inilah yang disebut dengan jihad defensif (*difa’ie*) di mana dalam keadaan seperti ini, Allah SWT telah mewajibkan kaum Muslimin untuk membalas tindakan penyerang dan mengusirnya dari tanah kaum Muslimin. Allah SWT berfirman, “*Perangilah di jalan Allah orang-orang yang memerangi kalian, tetapi janganlah kalian melampaui batas, kerana sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang melampaui batas*” [TMQ al-Baqarah (2):190].

Kedua: Apabila ada sekelompok komuniti Muslim yang diperangi oleh orang-orang kafir atau negara kafir. Kaum Muslimin wajib menolong mereka. Ini kerana, kaum Muslimin itu bersaudara, laksana satu tubuh. Kerana itu, serangan atas sebahagian kaum Muslimin pada hakikatnya merupakan serangan terhadap seluruh kaum Muslimin di seluruh dunia. Kerana itu pula, usaha untuk membela kaum Muslimin di Afghanistan, Iraq atau Palestin misalnya, merupakan kewajiban kaum Muslimin di seluruh dunia. Allah SWT berfirman, “*Jika mereka meminta pertolongan kepada kalian dalam urusan agama ini maka kalian wajib menolong mereka*” [TMQ al-Anfal (8):72].

Ketiga: Apabila dakwah Islam yang dilakukan oleh Daulah Islam (Khilafah) dihalang oleh penguasa kafir dengan kekuatan fizikal mereka. Dakwah adalah seruan pemikiran (non-fizikal), namun tatkala ia dihalangi secara fizikal, maka wajib bagi kaum Muslimin berjihad untuk melindungi dakwah dan menghilangkan halangan-halangan fizikal yang ada di hadapannya di bawah pimpinan Khalifah. Inilah yang disebut dengan jihad ofensif (*hujumi*). Inilah pula yang dilakukan oleh Rasulullah SAW dan para sahabat setelah mereka berhasil mendirikan Daulah Islam di Madinah. Mereka tidak pernah berhenti berjihad (berperang) dalam rangka menghilangkan halangan-halangan fizikal

demi tersebarluasnya dakwah Islam dan demi tegaknya kalimat-kalimat Allah. Dengan jihad ofensif itulah Islam tersebar ke seluruh dunia dan wilayah kekuasaan Islam pun semakin meluas, menguasai pelbagai belahan dunia. Bahkan jihad (perang) merupakan *thariqah* (jalan) Islam dalam penyebaran dakwah oleh Negara apabila wujudnya halangan fizikal di dalam seruan meninggikan kalimat Allah. Allah SWT berfirman, “*Perangilah mereka (orang-orang kafir) hingga tidak ada lagi fitnah (kekufuran) dan agama ini (Islam) hanya milik Allah*” [TMQ al-Baqarah (2):193].

Dalam semua keadaan di atas (*jihad fi sabilillah*), maka gugurnya setiap Muslim adalah dianggap sebagai syahid (dunia dan akhirat) Dari definisi dan konteks jihad di atas juga, jelas sekali bahawa tindakan *hirabah* (terorisme) bukanlah termasuk *jihad fi sabilillah*. Sebab, tindakan tersebut nyata-nyata telah mengorbankan ramai orang yang seharusnya tidak boleh (haram) untuk dibunuh, baik yang terbunuh itu Muslim mahupun bukan. Tindakan ini jelas haram dan termasuk dosa besar berdasarkan firman Allah SWT, “*Janganlah kalian membunuh jiwa yang diharamkan Allah kecuali dengan alasan yang hak*” [TMQ al-Isra’ (17):33]. Manakala dalam konteks pembunuhan tanpa hak yang berlaku ke atas sesama Muslim pula, keharamannya lebih keras lagi di mana Allah SWT berfirman, “*Siapa sahaja yang membunuh seorang Mukmin*

WACANA SIYASAH

“TERTEGAKKAH ISLAM SELEPAS PRU-13?”

Tarikh: 17 Mac 2013 (Ahad)

Tempat: Dewan Cempaka, Kompleks PKNS, Bangi, Selangor

Masa: 9.00 pagi - 1.00 ptg

= *Masuk Percuma, Muslimin & Muslimat Dijemput Hadir* =

dengan sengaja, maka balasannya adalah neraka Jahannam; ia kekal di dalamnya; Allah pun murka kepadanya, melaknatnya dan menyediakan baginya azab yang besar” [TMQ an-Nisa’ (4):93].

Hukum Perang Fitnah (Perang Saudara)

Kami telah menjelaskan dalam Sautun Nahdhah keluaran lepas bahawa sesungguhnya setiap negara/wilayah umat Islam adalah negara/wilayah yang satu, yang dimiliki secara bersama oleh umat Islam. Setiap orang berhak tinggal di dalamnya dan berhak mendapat perlindungan dari pemerintah terhadap nyawa, darah dan hartanya. Tidak ada seorang Muslim pun boleh menuntut, apatah lagi untuk mengangkat senjata seraya menuntut bahawa negara/wilayah tertentu adalah milik mereka atau kaum mereka sahaja. Justeru, apa jua cubaan atau usaha untuk merampas wilayah kaum Muslimin untuk dimiliki oleh kaum tertentu dengan mengecualikan Muslim yang lain, adalah suatu yang jelas-jelas haram. Begitu juga dengan apa jua cubaan atau usaha oleh pemerintah untuk menghalau keluar atau menafikan hak setiap Muslim untuk bertempat tinggal di wilayah Islam adalah suatu yang jelas-jelas haram.

Sekiranya suatu pihak telah mengangkat senjata untuk menguasai sesuatu kawasan yang menjadi hak milik bersama kaum Muslimin, maka ia boleh dalam keadaan ini menjadi golongan yang dipanggil sebagai *bughat* (pemberontak kepada penguasa yang sah) atau *muharibin* (pengganas). Baik *bughat* atau *muharibin*, kedua-duanya haram untuk dilakukan oleh setiap Muslim dan Islam telah menggariskan hukum syarak tertentu untuk Negara (pemerintah) menangani kedua-dua golongan ini. Namun, satu hal yang kita sangat kluatir terjadi kepada dua golongan Muslim yang mengangkat senjata ini ialah, apabila ia tidak termasuk dalam golongan *bughat* dan tidak juga termasuk dalam golongan *muharibin*. Jika ini terjadi (pengangkatan senjata, peperangan atau pembunuhan) oleh dua atau lebih kelompok Muslim (termasuk antara sesama negara), maka hal ini boleh termasuk ke dalam “perang saudara” atau dikenali juga dengan “perang fitnah”. Bermula dari tindakan memberontak (*baghy*) atau keganasan (*hirabah*), ia mungkin sahaja boleh berakhir dengan *qital al-fitnah* (perang saudara). Hal ini wajib dijauhi oleh kaum Muslimin. Ini kerana, Islam mengharamkan peperangan sesama Muslim (perang saudara) dengan keharaman yang sangat tegas.

Dr. Muhammad Khair Haekal di dalam kitabnya *al-Jihad wa al-Qital* memberikan definisi “perang fitnah” yang disimpulkan beliau setelah mengemukakan banyak hadis yang menyebut tentang perang tersebut. Menurut beliau, perang fitnah adalah “peperangan yang tidak disyariatkan, yang terjadi antara dua kelompok kaum Muslimin atau lebih”. Berdasarkan nas-nas Al-Quran dan Al-Hadis yang begitu banyak beliau kemukakan, maka Dr. Khair menyimpulkan bahawa perang fitnah adalah haram dalam apa jua bentuknya sekalipun dan setiap Muslim wajib menjauhi diri dari terlibat di dalamnya.

Dalam sebuah hadis dari Ibnu Mas’ud, Rasulullah SAW bersabda, “Akan ada fitnah, ketika itu orang-orang yang tidur lebih baik berbanding yang bangun, yang bangun lebih baik berbanding yang berjalan, yang berjalan lebih baik berbanding yang berkenderaan, yang berkenderaan lebih baik berbanding yang mengangkut. Korban yang terbunuh, semuanya masuk neraka. Aku (Ibnu Mas’ud) bertanya, ‘Wahai Rasulullah, bilakah hal itu terjadi?’ Baginda menjawab, ‘Itu terjadi pada masa-masa fitnah (kekacauan)’. Aku bertanya lagi, ‘Bilakah masa-masa fitnah (kekacauan) itu terjadi?’ Baginda menjawab, ‘Ketika seseorang merasa tidak aman dengan temannya’. Aku bertanya lagi, ‘Lalu apa yang engkau perintahkan kepadaku?’ Baginda bersabda, ‘Tahanlah tangan dan lisanmu dan masuklah ke rumahmu’ [HR Ahmad].

Dengan memetik hadis di atas, Dr. Muhammad Khair Haekal seterusnya berkomentar bahawa fitnah di sini dimaknai sebagai perang yang terjadi antara seseorang dengan seseorang yang lain dengan beragam kelompok mereka, kerana dosa. Saat itu korban yang terbunuh semuanya masuk neraka. Pada waktu itu, orang yang terbaik adalah orang yang tidur meninggalkannya. Siapa pun yang terkait dengannya kerana alasan tertentu, dinyatakan mempunyai sumbangan dosa, sedikit ataupun banyak, sesuai dengan kadar keterlibatannya

mengumpulkan kekuatan untuk perang fitnah serta provokasinya dalam mengobarkan api peperangan. Fitnah terjadi pada zaman di mana ketakutan mengancam manusia, misalnya dalam keadaan mereka terancam mati di mana sahaja. Dalam keadaan seperti ini, manusia - sebagaimana sabda Nabi SAW- wajib menahan tangan dan lisannya serta masuk ke dalam rumahnya.

Di antara riwayat lain yang dinyatakan untuk menjelaskan perubahan dan permusuhan yang menimpa manusia pada zaman fitnah adalah sabda Nabi SAW, “*Sesungguhnya Allah Azza wa Jalla tidak pernah menghalalkan sesuatu pun pada zaman fitnah yang sebelumnya diharamkan. Bagaimana mungkin salah seorang di antara kamu mendatangi saudaranya, mengucapkan salam kepadanya, kemudian setelah itu dia datang lalu membunuhnya*” [HR ath-Thabrani]. Fitnah dalam pengertian ini bererti perubahan sikap dan perkembangan sejumlah interaksi di mana peperangan telah menggantikan perdamaian. Ketika itu, teman pada hari semalam, kini menjadi musuh di mana kehormatannya dinodai dan darahnya menjadi halal. Ibnu Umar mendeskripsikan keadaan orang pada zaman fitnah seraya berkata, “*Pada zaman fitnah, kalian tidak akan memandang pembunuhan sebagai sesuatu (yang bermasalah)*” [Majma’ az-Zawaid, Al-Haysami, juz VII, hal. 293].

Adapun mengenai hukum keterlibatan seorang Muslim dalam peperangan fitnah ini, Dr. Khair menyatakan bahawa ia boleh dikumpulkan dari pelbagai pandangan fiqh yang telah dikumpulkan oleh Imam as-Sun’ani dan Imam asy-Syaukani yang berserakan di pelbagai sumber. Pandangan-pandangan tersebut sepakat mengenai meninggalkan perang pada saat fitnah. Kesepakatan pandangan mereka adalah wajar kerana keharaman darah kaum Muslimin telah ditetapkan berdasarkan nas-nas syarak sebagaimana firman Allah SWT, “*Dan janganlah kamu membunuh jiwa yang diharamkan oleh Allah (membunuhnya) melainkan dengan suatu (alasan) yang benar*” [TMQ al-Isra’ (17):33]. Juga berdasarkan sabda Nabi SAW yang menyatakan “*Setiap Muslim adalah saudara sesama Muslim; darah, harta dan kehormatannya adalah haram (bagi sesamanya)*” [HR Muslim]. Keadaan fitnah bukan merupakan justifikasi untuk menghilangkan status *ma’sum* (terpeliharanya darah, kehormatan dan harta) dari kaum Muslimin kerana Nabi SAW bersabda, “*Sesungguhnya Allah tidak menghalalkan sesuatu pun dalam keadaan fitnah yang sebelumnya telah diharamkan oleh Allah*” [HR ath-Thabrani].

Persoalan seterusnya, apakah perang fitnah merupakan jihad? Menjawab kepada persoalan ini, penulis kitab *al-Jihad wa Qital* dengan tegas mengatakan bahawa jawapannya adalah tidak. Sebab, jihad merupakan perang kaum Muslimin melawan kaum kafir hingga tidak ada lagi fitnah dan agama ini seluruhnya milik Allah. Manakala perang fitnah, tidak lebih hanyalah perang kaum Muslimin dengan kaum Muslimin yang lain sehingga menjadi fitnah dan menjadikan urusan agama bukan di tangan Allah. Lalu, berdasarkan apa dikatakan bahawa perang seperti ini adalah jihad? Padahal Nabi saw telah menegaskan bahawa orang yang membunuh dan yang terbunuh sama-sama masuk neraka? Kerana itulah, perang fitnah bukan merupakan sebahagian dari jihad di jalan Allah. Malah perang ini dengan jihad merupakan dua kutub yang saling berlawanan [*al-Jihad wa al-Qital*, Dr. Muhammad Khair Haekal].

Khatimah

Kita berdoa dan mengharapkan agar pertumpahan darah di antara sesama Muslim ini dihentikan segera dan kedua-dua pihak kembali ke jalan yang benar. Kalau kedua-duanya ingin berjihad dan syahid, *alhamdulillah* kita panjatkan kesyukuran kepada Allah dan kita meminta agar mereka memilih jalan jihad dan syahid yang tidak ada keraguan di dalamnya iaitu dengan masing-masing mengumpul dan mengerahkan kekuatan untuk melawan kafir Zionis, Amerika dan sekutu-sekutunya yang sekarang sedang menjajah dan membunuh saudara-saudara kita di Palestin, Iraq, Afghanistan, Pakistan dan lain-lain. Berjihadlah melawan tentera-tentera kuffar ini demi membebaskan saudara-saudara kita dan juga tanah suci Islam yang dirampas oleh musuh-musuh Allah itu serta menyatukan semula umat Islam di bawah satu negara (Khilafah). Jika inilah yang dilakukan, maka *Insyallah* mereka akan meraih kemuliaan di sisi Allah Azza wa Jalla.